



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI OGOS 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Ogos 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas kira-kira 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen kurang optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **sub-indeks Keadaan Perniagaan**, adalah 50.0 bagi Ogos 2025 yang mencerminkan keadaan yang lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya. Hasil kaji selidik menunjukkan sentimen berbeza-beza merentasi saiz dan sektor. Cuti persekolahan selama dua minggu pada bulan Ogos menyumbang kepada sentimen optimistik bagi sektor-sektor berkaitan pelancongan dan kegiatan percutian seperti penginapan tempatan. Faktor lain yang turut mengukuhkan sentimen positif termasuk projek baharu, peluang eksport bagi beberapa perniagaan, dan acara dalam negeri, termasuk majlis konvokesyen, pesta buku, dan festival kebudayaan, yang mendorong peningkatan permintaan terhadap sebahagian produk dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, musim cuti persekolahan ini juga memberi impak kepada beberapa sektor yang menjangka penurunan dalam permintaan disebabkan aktiviti melancong ke luar negara. Beberapa sentimen pesimistik juga telah dikaitkan dengan gangguan operasi akibat cuaca, kekurangan projek, isu kewangan, dan tekanan persaingan dari luar negara. Indeks satu bulan ke hadapan juga berada di tahap 50.0, menggambarkan jangkaan keadaan perniagaan yang hampir sama bagi bulan September. Beberapa perniagaan, khususnya dari sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan, Pengangkutan & Perhubungan, Pembinaan,

Pembuatan dan Perkhidmatan Lain pula menyuarakan sentimen pesimistik berikutan pengurangan projek dan penurunan permintaan pengguna yang melemahkan prestasi perniagaan. Pada masa yang sama, terdapat sektor-sektor lain yang menjangka pemulihan semula permintaan pengguna melalui promosi dan rancangan aktiviti dan jangkaan bahawa lebih ramai pengguna akan kekal berada dalam negeri pada bulan September berbanding dengan Ogos.

5. **Sub-Indeks Pelaburan** dicatat pada tahap 50.4 bagi Ogos 2025, 50.1 bagi indeks satu bulan ke hadapan, dan 50.5 bagi tiga bulan ke hadapan, didorong oleh perniagaan bersaiz besar. Aktiviti pelaburan kekal positif pada Ogos 2025, mengambil kira projek-projek pemulihan yang berterusan, penaiktarafan fasiliti, penambahan semula stok, dan pembelian peralatan bagi beberapa sektor. Memandang ke hadapan, pelaburan dijangka akan terus meningkat dengan permulaan projek-projek baharu, penaiktarafan instruktur, pembelian mesin baharu, pengembangan rangkaian penghantaran, dan projek-projek penyelenggaraan yang besar.
6. **Sub-Indeks Pengambilan Pekerjaan** adalah 49.9 bagi Ogos 2025 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, sub-indeks ini menunjukkan prospek pengambilan pekerja yang sedikit menurun, sejajar dengan pengurangan tenaga kerja di beberapa perniagaan besar dalam sesetengah sektor serta tiada rancangan pengambilan pekerja dalam tempoh terdekat disebabkan kekurangan projek baharu. Walaupun perniagaan secara amnya merancang untuk mengekalkan bilangan pekerja yang sedia ada, sebahagian menyatakan isu kekurangan tenaga kerja mengambil kira peletakan jawatan, penamatian kontrak pekerja asing yang berpengalaman, dan persaraan. Sementara itu, beberapa perniagaan telah mengongsikan keperluan untuk mengambil pekerja tambahan bagi menyokong projek baharu, pengembangan cawangan, dan kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang berjalan.
7. **Sub-Indeks Kos Perniagaan** dicatat pada tahap 50.3 bagi Ogos 2025 dan 49.6 bagi satu bulan ke hadapan. Sebahagian besar perniagaan menjangka kos operasi yang lebih tinggi pada Ogos 2025 berikutan beberapa faktor seperti kos berkaitan insurans, kerja penyelenggaraan yang telah dijadualkan, kenaikan kos bahan mentah dan bahan masakan, aktiviti promosi, serta peningkatan kos tenaga kerja bagi sesetengah perniagaan. Bagi bulan seterusnya, sub-indeks menunjukkan kos operasi lebih rendah secara keseluruhan, sebahagian besarnya didorong oleh perniagaan besar dalam sektor-sektor Pengangkutan & Perhubungan, Minyak & Gas dan Yang Berkaitan, dan Pembuatan, yang dijangka akan kembali beroperasi pada tahap normal setelah aktiviti penyelenggaraan selesai, dan tiada projek bahru dijadualkan bagi September 2025.

BSI Ogos 2025	
Keadaan Perniagaan	50.0
Kehadiran Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.5
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.6

8. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Pengangkutan & Perhubungan	50.7	Pertumbuhan jualan yang kukuh bagi sektor Pengangkutan, manakala pembekal perkhidmatan telekomunikasi mengongsikan peningkatan penggunaan data <i>roaming</i> oleh pengguna tempatan yang melancong ke luar negara.
	Hotel & Restoran	50.3	Penambahbaikan prestasi daripada kempen promosi yang berjaya bagi beberapa restoran dan hotel, dengan peningkatan tempahan tempat untuk acara dan kadar penginapan di hotel dalam negeri semasa musim cuti persekolahan.
	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	50.1	Prestasi yang tidak sekata dengan sebahagian perniagaan melaporkan metrik prestasi perniagaan yang lebih baik, manakala yang lain menghadapi pengeluaran dan tahap jualan yang lebih rendah.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1	Peningkatan jualan, kenaikan pengeluaran serta prospek eksport baharu mendorong sentimen optimistik secara sederhana walaupun berdepan gangguan berkaitan cuaca. Kepelbagaiannya ke sektor agropelancongan dan produk bernilai tambah (<i>value-added</i>) turut mengukuhkan lagi kedayatahanan sektor tersebut.
Tiada Perubahan	Kewangan & Insurans	50.0	Prestasi yang stabil secara amnya dengan penggunaan kemudahan pinjaman dan permintaan terhadap produk takaful, yang mengimbangi cabaran dihadapi oleh beberapa perniagaan akibat persaingan, pendapatan rendah ekoran persekitaran kadar faedah yang rendah, serta peningkatan peruntukan bagi kerugian pinjaman.
	Perdagangan Borong & Runcit	50.0	Perbelanjaan tempatan merosot sedikit akibat cuti persekolahan, namun peluang eksport, acara promosi serta pelancaran produk baharu meningkatkan jualan bagi beberapa perniagaan.
Sentimen Pesimistik	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9	Kebanyakan perniagaan mencatat aktiviti yang hampir sama atau penurunan disebabkan ketiadaan projek baharu berbanding bulan sebelumnya. Sesetengah perniagaan mengongsikan kestabilan prestasi dengan kadar penginapan konsisten dan langkah pemotongan kos, manakala sebilangan lain menjangka permintaan bagi perkhidmatan penaksiran akan meningkat.
	Pembuatan	49.9	Kelembapan aktiviti semasa cuti persekolahan termasuk perbelanjaan merentasi sempadan dan gangguan berkaitan cuaca menjelaskan pengeluaran dan permintaan.
	Pembinaan	49.8	Kebanyakan perniagaan mengekalkan aktiviti sedia ada dan mengutamakan pelaksanaan projek, dengan

			sebahagian melaporkan pengurangan aktiviti berbanding bulan sebelumnya serta ketiadaan projek baharu. Selain itu, gangguan berkaitan cuaca dan tekanan bajet menunda pelaksanaan sesetengah projek.
	Perkhidmatan Lain	49.7	Kontrak yang tidak disambung, isu aliran tunai yang berterusan, perbelanjaan pelanggan yang lemah, serta kenaikan kos gaji adalah antara faktor-faktor yang dikongsikan yang memberi kesan negatif terhadap perniagaan. Walau bagaimanapun, sebilangan perniagaan menjangka beberapa projek baharu.
	Kesihatan & Pendidikan	49.4	Aktiviti perniagaan yang berkurangan semasa cuti persekolahan menyebabkan permintaan bagi perkhidmatan perubatan rutin menurun, manakala rawatan bermusim dan pembukaan klinik baharu menyokong sebahagian permintaan bagi perkhidmatan sektor ini.

9. Dari segi **saiz perniagaan**:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Pesimistik	Kecil	49.5	Gangguan cuaca, tekanan kewangan dan perubahan kecenderungan pengguna semasa cuti persekolahan menjelaskan aktiviti perniagaan bagi Ogos 2025.
	Sederhana	49.9	
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Sentimen berbeza dicatatkan, dengan sebahagian perniagaan mengongsikan kebimbangan bahawa tahap permintaan akan menurun semasa cuti persekolahan. Sesetengah perniagaan berasa akan dapat membuat penyesuaian dengan cepat disebabkan kos operasi rendah dan pelanggan setia, manakala beberapa perniagaan lain menjangka akan menghadapi kesukaran disebabkan skala dan kemudahan terhad.
	Besar	50.0	Jangkaan prestasi kekal stabil berikutan aliran pendapatan yang pelbagai dan kontrak jangka panjang, yang akan membantu mengurus perubahan pasaran dan turun naik permintaan bermusim.


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 18 Rabiulakhir 1447H / 10 Oktober 2025M
Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Ogos 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.